



13 Januari 2023
13 January 2023
P.U. (B) 13

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA UNDER SECTION 34

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

MENURUT subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*], Mufti, setelah berbincang dengan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 37(5) Akta, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) ACT 1993

FATWA UNDER SECTION 34

PURSUANT to subsection 34(1) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 [*Act 505*], the Mufti, after having discussed with the Islamic Legal Consultative Committee pursuant to subsection 37(5) of the Act, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

JADUAL/*SCHEDULE*

FATWA BERKENAAN DENGAN AJARAN ILMU TAJALLI
HAJI AHMAD LAKSAMANA BIN OMAR

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-48 yang bersidang pada 16 Julai 1997 telah membincangkan perkara berkenaan dengan Ajaran Ilmu Tajalli yang dibawa oleh Haji Ahmad Laksamana bin Omar. Fatwanya adalah seperti yang berikut:

1. Ajaran Ilmu Tajalli yang dibawa oleh Haji Ahmad Laksamana bin Omar adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ciri-ciri penyelewengannya termasuklah—

- (a) mendakwa bahawa diri manusia adalah terdiri daripada Allah + Muhammad. Pernyataan dalam petikan buku bertajuk 'Hakikat Insan' pada muka surat 9 dan 90 seperti yang berikut: *"...suatu kejadian yang bernama insan yang bertubuhkan diri batin yang bernama Allah. Dan diri yang bernama الله itulah diri batin kepada diri manusia (rohani)..."* dan *"Adapun hakikat ketuhanan itu adalah diri batin kita (Rohani) dan hakikat kerasulan itu adalah diri zahir kita (Jasmani)."*;
- (b) mendakwa bahawa jalan menjadi wali ialah dengan mengenal diri dan menjalankan latihan dan amalan di bawah bimbingan guru Mursyid. Peringkat-peringkat perjalanan menjadi wali dinyatakan dalam buku tersebut pada muka surat 51 hingga 60. Peringkat-peringkat perjalanan menjadi wali seperti yang berikut:
- i. memperoleh "*nur*" melalui mimpi, "*tajalli*" daripada tuhan dan mata "*basir*" yang dapat melihat dan menembusi tujuh petala langit dan tujuh petala bumi;
 - ii. menerima ilmu hakiki dan makrifat daripada guru-guru ghaib melalui cara penyampaian ilmu laduni;
 - iii. penyatuan jiwa dengan Allah sehingga mengeluarkan pernyataan "*Akulah Tuhan sebenar*"; dan
 - iv. menerima lawatan oleh tetamu agong yang terdiri daripada rasul-rasul, nabi-nabi dan wali-wali secara hidup dan bukan mimpi;
- (c) mentafsirkan kalimah syahadah mengikut bilangan huruf Arab. Kalimah syahadah (لا اله الا الله محمد رسول الله) dipecah dan diregu kepada kalimah-kalimah istilah dan huraian rangka secara seleweng. Pernyataan dalam petikan buku bertajuk 'Hakikat Insan' pada muka surat 105 dan 106 seperti yang berikut: *"...kalimah tauhid (لا اله الا الله محمد رسول الله) ini juga mengandungi 24 huruf semuanya bagi*

menandakan kehidupan manusia adalah 24 jam dalam sehari semalam.”. Selain itu, kalimah (محمد) dikatakan itulah diri zahir manusia ditafsirkan (م) – kepala, (ح) – dada, (م) – pusat, (د) – kaki pada muka surat 116;

- (d) mentafsirkan ayat al-Quran (إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ) secara menyeleweng, sebagai contoh pada muka surat 135 carta alir yang bermula daripada tuhan kepada manusia yang mempunyai tujuh martabat mulai ahadah hingga alam insan, kemudian daripada manusia kepada tuhan mempunyai tujuh martabat mulai nafsu amarah hingga nafsu kamaliah; dan
- (e) menekankan zikir yang menepati meditasi dalam mistisisme. Zikir “ah” iaitu zikir makrifat Allah kerana diambil dari lafaz Allah yang *tajalli* dari ahadiyah, wehdah, wahidyah, alam arwah, alam misal, alam ajsam dan alam insan. Alam insan (benih lelaki) dan alam ajsam (benih perempuan) kedua-duanya datang dari Allah sebab itu diambil (ل) dan (ة) simbol kemaluan lelaki dan perempuan dinyatakan dalam gambar rajah pada muka surat 321.

2. Mana-mana orang hendaklah menjauhi ajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 dan dilarang berpegang pada, mempercayai, mengajar, menyebarkan atau mengamalkannya. Mana-mana orang yang berpegang pada, mempercayai, mengajar, menyebarkan atau mengamalkan ajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 hendaklah bertaubat.

3. Mana-mana orang yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran buku ‘Hakikat Insan’ oleh Haji Ahmad Laksamana bin Omar atau mereka yang berpegang dengan ajaran tersebut atau apa-apa bahan penerbitan sama ada dalam talian atau bercetak yang kandungannya mempunyai persamaan dengan ajaran tersebut atau buku tersebut hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan Allah SWT.

4. Tiada seorang pun boleh memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, memuat naik, memuat turun, menyebarkan, mengedarkan, menggantungkan atau menerbitkan apa-apa poster, buku, majalah, risalah atau apa-apa bacaan lain sama ada dicetak, ditaip,

ditulis tangan atau dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk keluaran atau ulangannya, termasuklah apa-apa filem, rakaman, audio visual, laman sesawang, media cetak atau media elektronik yang mengandungi ciri-ciri amalan dan ajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1.

5. Mana-mana orang adalah dilarang daripada bersubahat dalam melakukan mana-mana perkara yang dilarang dalam perenggan 2, 3 dan 4.

Bertarikh 10 Januari 2023

Dated 10 January 2023

[PMWP/100/20 Klt. 5; PN(PU2)530/JLD. 16]

DATUK DR. LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH
*Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan/
Mufti for the Federal Territories*